

D.R. 34/94

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan
Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia 1992.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG
oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan
Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan
dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbadanan
Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Pindaan)
1994. Tajuk ringkas.

2. Akta Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar
Malaysia 1992 adalah dipinda dalam subseksyen 4(1)—
Pindaan seksyen 4. Akta 490

(a) dengan memotong perkataan "dan" di hujung
perenggan (d)\

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (d)
perenggan yang berikut:

"di Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik
di bawah seksyen 20(1); dan"; dan

(c) dengan menggantikan perkataan "enam" dalam
perenggan (e) dengan perkataan "lapan".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia 1992 dengan memasukkan perenggan baru (*dd*) dalam subseksyen 4(1). Dengan pindaan ini, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan akan menjadi anggota Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia. Ia juga bertujuan untuk meminda perenggan (*e*) dengan menambahkan bilangan anggota yang ditentukan oleh Menteri daripada enam kepada lapan orang.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1845.]